

SUAI GUNA SEMULA KE ATAS NILAI WARISAN:  
KAJIAN KES RUMAH AGAM CHEONG FATT TZE

MOHD HANIF BIN MUHD NASIR

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SUAI GUNA SEMULA KE ATAS NILAI WARISAN: KAJIAN KES RUMAH**

**AGAM CHEONG FATT TZE**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MOHD HANIF BIN MUHD NASIR**

**C19A0203**

**LAPORAN PENYELIDIKAN INI DIHANTAR BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK PENGANUGERAHAN  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**


**FEBUARI 2023**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- / TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar



SAHRUDIN BIN MOHAMED  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Wzrian  
Universiti Malaysia Kelantan.

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Mohd Hanif Bin Muhd Nasir

Nama Penyelia: En. Sahrudin bin Som

No. Kad Pengenalan: 980809-07-5725

Tarikh: 16 Februari 2023

Tarikh: 16 Februari 2023

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim. Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan saya ini kepada pensyarah penyeleras projek penyelidikan saya, En. Sahrudin bin Som kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah membuka ruang untuk saya menyiapkan kajian lapangan serta projek penyelidikan ini dengan suksesnya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya yang memberi saya pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini mahupun tuagasan ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menghabiskan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan dan bantuan kepada saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya tujukan kepada mereka dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan projek penyelidikan ini. Terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PENGESAHAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI CARTA</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xi</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xii</b>
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	3
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9

	1.7 Rumusan	12
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>	
	2.0 Pengenalan	13
	2.1 Bangunan Warisan	13
	2.1.1 Rumah Kediaman	14
	2.2.2 Kajian Rumah Agam Cheong Fatt Tze	15
	2.2 Warisan	15
	2.2.1 Pemuliharaan Warisan	16
	2.3 Kajian Mengenai Suai Guna Semula	17
	2.4 Rumusan	21
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.0 Pengenalan	22
	3.1 Reka Bentuk Kajian	22
	3.2 Kaedah Kajian	23
	3.2.1 Kaedah Kualitatif	23
	3.2.2 Kaedah Kuantitatif	23
	3.3 Pengumpulan Data	24
	3.3.1 Data Primer	24

	3.3.2 Data Sekunder	25
	3.4 Analisis Data	27
	3.5 Rumusan	29
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	4.0 Pengenalan	30
	4.1 Data Demografi Responden	30
	4.2 Tahap Kesedaran Masyarakat Tentang Pendekatan Suai Guna Semula	36
	4.3 Persepsi Masyarakat Setempat Tentang Nilai Warisan Pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze	42
	4.4 Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula Terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze	46
	4.5 Rumusan	52
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
	5.0 Pengenalan	53
	5.1 Kesimpulan	53
	5.2 Cadangan	55
	5.2.1 Komuniti Masyarakat	55

5.2.2 Pihak Berkepentingan

56

**RUJUKAN**

57

**GLOSARI**

58

**LAMPIRAN**

59

**GAN CHART**

67



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## SENARAI GAMBAR

NO.		HALAMAN
1.1	Gambar Rumah Agam Cheong Fatt Tze	4
2.1	Peta Kedudukan Rumah Agam Cheong Fatt Tze	6



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI CARTA

<b>NO.</b>		<b>HALAMAN</b>
4.1	Taburan Responden Mengikut Umur	31
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	32
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	33
4.4	Taburan Responden Mengikut Status	33
4.5	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	34
4.6	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	35

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

NO.		HALAMAN
4.1	Tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan bangunan warisan	37
4.2	Tahap kesedaran masyarakat mengenai langkah-langkah yang ada dalam usaha pemuliharaan warisan	39
4.3	Tahap kesedaran masyarakat mengenai apakah itu suai guna semula pada bangunan warisan	40
4.4	Tahap kesedaran masyarakat mengenai pendekatan suai guna semula sebagai satu kaedah terbaik	41
4.5	Persepsi masyarakat setempat mengenai adakah rumah Agam Cheong Fatt Tze penting kepada warisan	43
4.6	Persepsi masyarakat setempat mengenai senibina, motif dan sosiobudaya yang terdapat pada rumah agam Cheong Fatt Tze yang menjadi tarikan pengunjung	44
4.7	Persepsi masyarakat setempat mengenai ukiran yang terdapat pada rumah Agam Cheong Fatt Tze.	45
4.8	Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula dalam Mengekalkan nilai warisan pada rumah agam Cheong Fatt Tze	47

4.9	Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula dalam memanjangkan jangka hayat rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat	48
4.10	Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula terhadap perubahan fungsi rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat	49
4.11	Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula terhadap identiti rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat	50

## **Kajian Terhadap Suai Guna Semula Bangunan Rumah Agama Cheong Fatt Tze Di Pulau Pinang**

### **Abstrak**

Kajian ini merupakan satu kajian kes mengenai “Suai Guna Semula Bangunan Rumah Agama Cheong Fatt Tze”. Rumah Agama Cheong Fatt Tze merupakan salah sebuah bangunan bersejarah di Pulau Pinang yang terletak di bandar Georgetown. Warisan budaya ketara seperti bangunan bersejarah ini perlu dipelihara kerana pada bangunan tersebut adanya nilai serta kepentingan sejarah dan warisan yang dapat menjana ekonomi setempat dan negara. Nilai warisan senibina sesebuah bangunan juga perlu memiliki ciri-ciri seperti tarikan rekabentuk senibina, teknologi dan teknik pembinaan yang unik dan cantik, seni pertukangan halus dan padat dengan falsafah yang ada pada bangunan bersejarah. kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat tentang kepentingan sejarah Rumah Agama Cheong Fatt Tze yang mana ianya merupakan salah satu sebuah bangunan bersejarah yang telah diubahsuai guna semula fungsinya oleh pihak bertanggungjawab. kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah kepentingan budaya yang terdapat pada Rumah Agama Cheong Fatt Tze di Pulau Pinang. Penyelidikan ini dijalankan atas objektif kajian iaitu meninjau tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan, menganalisis persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agama Cheong Fatt Tze dan mengenalpasti keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agama Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat. Kajian ini dilengkapi dengan hasil dapatan melalui soal selidik, kajian ilmiah dan fotografi. Penyusuaian guna semula terhadap bangunan Rumah Agama Cheong Fatt Tze, Pulau Pinang ini merupakan satu kajian yang mampu memberikan satu impak untuk memperluaskan mahupun mempergiatkan lagi aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap bangunan-bangunan lama.

**Kata Kunci:** *Nilai warisan, Penang, Rumah Agama Cheong Fatt Tze, Suai Guna Semula*

## **A Study on the Adaptive Reuse of Cheong Fatt Tze Mansion Buildings in Penang**

### **ABSTRACT**

This study is a case study on "Adaptive Reuse of Cheong Fatt Tze Mansion Building". Cheong Fatt Tze Mansion is one of the historic buildings in Penang located in the city of Georgetown. Tangible cultural heritage such as this historic building needs to be preserved because the building has value and historical importance and heritage that can generate the local and national economy. The architectural heritage value of a building also needs to have characteristics such as attractive architectural design, technology and construction techniques that are unique and beautiful, fine carpentry art and dense with the philosophy that exists in historic buildings. This research is to see the historical significance of the Cheong Fatt Tze Mansion which is one of the historic buildings that have been renovated and reused by the responsible party. this study also aims to see what cultural significance is found in the Cheong Fatt Tze Mansion in Penang. This research was carried out with the objective of the study which is to review the level of community awareness about the reuse approach in the conservation of heritage buildings, analyze the local community's perception of the heritage value found in the Cheong Fatt Tze Mansion and identify the effectiveness of the reuse approach to the Cheong Fatt Tze Mansion from local community perspective. This study is completed with findings through questionnaires, scientific studies and photography. The re-use adaptation of the Cheong Fatt Tze Mansion, Penang is a study that can provide an impact to expand or intensify the conservation and preservation activities of old buildings.

**Keywords:** *Heritage value, Penang, Cheong Fatt Tze Mansion, Reusable,*

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Negara Malaysia telah mewujudkan beberapa dokumen perundangan bagi melindungi warisan kebudayaan terutamanya dokumen Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) yang telah diperkenalkan pada tahun 2005. Namun begitu, dokumen perundangan ini ternyata dilihat masih belum mampu memulihara produk warisan secara komprehensif seandainya tiada penglibatan daripada pelbagai pihak komuniti terutamanya masyarakat. Perkara ini disebabkan oleh masyarakat ini merupakan pihak yang terdekat yang berada disekitar produk warisan tersebut. Selain itu, suatu usaha bagi merawat sesebuah monumen lama daripada mengalami kerosakan ini merujuk kepada konsep pemuliharaan. Menurut Siti Norlizaiha Harun (2004) pemuliharaan dianggap sebagai satu langkah atau kaedah bagi memastikan tempoh hayat sesebuah bangunan itu dapat dikekalkan hingga ke generasi akan datang.

Warisan budaya ketara seperti bangunan bersejarah perlu dipelihara kerana pada bangunan tersebut adanya nilai serta kepentingan sejarah dan warisan yang dapat menjana ekonomi setempat dan negara. Kepelbagaian tarikan yang terdapat pada sesebuah bangunan merupakan satu nilai warisan yang memiliki ciri rekabentuk senibina, teknologi dan teknik pembinaan yang unik dan cantik, seni pertukangan halus dan padat dengan falsafah yang ada pada bangunan bersejarah (Sabzali Khan et al., 2011). Konsep bangunan bersejarah ini boleh memberi gambaran kecil mengenai kepelbagaian rekabentuk serta senibina yang memiliki nilai-nilai warisan yang tersendiri. Sehubungan dengan

itu, kesemua binaan bangunan bersejarah ini dapat dibezakan dengan ciri rekabentuk atau senibina masing-masing.

Oleh itu, bagi memastikan bangunan bersejarah dipulihara dan dipelihara supaya nilai-nilai warisannya perlu dikekalkan dengan melakukan penyesuaiangunaan semula. Suai guna semula bangunan bersejarah adalah dengan mengubah fungsi sesuatu bangunan untuk memenuhi keperluan masa kini. Perkara ini disokong dengan pendapat Syed Zainol Abidin Idid (1995) tentang penyesuaian yang merujuk kepada mengubah sesuatu sejajar dengan jenis kegunaan yang telah dicadangkan. Menurut Lilawati Ab Wahab et al. (2008) penyesuaiangunaan semula bangunan bersejarah ini dianggap sebagai suatu pendekatan dengan melakukan perubahan dari segi fungsi bangunan tersebut kepada fungsi. Oleh itu, berdasarkan makna diatas dapat dilihat bahawa ubah suai semula bangunan bersejarah adalah untuk memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan dengan memperbaharui fungsi bangunan tersebut.




## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pulau Pinang adalah negeri yang terletak sebelah Utara yang terkenal dengan gelaran 'Mutiara Timur' iaitu terkenal dengan kepelbagaian jenis masakan makanan, bangunan bersejarah, tempat-tempat yang mampu menarik minat pelancong samada dalam negara atau luar negara. Sehubungan dengan itu, Rumah Agam Cheong Fatt Tze adalah salah sebuah monumen bersejarah di Pulau Pinang yang terletak di bandar Georgetown. Rumah agam ini merupakan sebuah rumah yang mempunyai banyak dekorasi dari China. Cheong Fatt Tze merupakan saudagar yang kaya di Asia Tenggara suatu dahulu dan beliau telah membangunkan rumah agam tersebut. '*The Blue Mansion*' atau rumah agam Cheong Fatt Tze ini telah dibangunkan pada tahun 1880an dan kini rumah tersebut berusia 142 tahun. Rumah ini dibina dengan mempunyai keluasan tanah seluas 56,000meter persegi dengan pembangunan seluas 33,000meter persegi.

Selain itu, '*The Blue Mansion*' merupakan satu lambang sempurna kemegahan dan pencapaian Cheong Fatt Tze dimana pada hari ini rumah agam tersebut telah menjadi mercu tanda dalam bidang fabrik warisan bersemangat di Georgetown, Pulau Pinang. Struktur rumah ini amat besar dimana ianya dapat memuatkan 38 bilik, 5 buah courtyard yang berlantai granite, 7 biji tangga dan sebanyak 220 tingkap louvre kayu. Rumah agam yang tersergam indah ini mempunyai prinsip yang tertentu yang dikenali sebagai prinsip 'Feng Shui'. Antara prinsipnya adalah Cheong Fatt Tze telah membina 5 buah lagi dihadapan rumahnya supaya persimpangan jalan dibina hadapan rumahnya. Selain itu, pembinaan rumah tersebut juga dibuat dengan menghadap laut dan bahagian belakang menghadap Penang Hill. Rumah agam ini dibina oleh Cheong Fatt Tze untuk isterinya kesayangannya. Pada masa kini rumah ini telah diubah suai

fungsinya dengan dijadikan sebagai hotel dan dijaga dengan baik oleh keturunan rakan-rakan Cheong Fatt Tze serta badan-badan NGO. Di samping itu, juga dikatakan bahawa anak-anak beliau telah datang rumah tersebut dan mengambil kebanyakan barangan di rumah ini untuk dibawa ke rumah mereka di luar negara.



**Gambar 1.1: Rumah Agam Cheong Fatt Tze di Pulau Pinang**

MALAYSIA

KELANTAN

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian adalah salah satu bahagian kajian yang digunakan untuk membahas mengenai isu dan masalah yang akan dikaji di dalam penyelidikan. Menurut A. Gafar Ahmad (1994) telah menyatakan bahawa golongan masyarakat ini kurang mengetahui tentang pemuliharaan bangunan warisan (Siti Nor Fatimah Zuraidi et. al., 2011: 3). Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat tidak memahami sebetulnya konsep pemuliharaan yang dilakukan ke atas sesebuah bangunan warisan dan berpendapat bahawa aktiviti ini seolah-olah pengubahsuaian rumah biasa. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi membantu untuk mengubah persepsi serta pemahaman masyarakat masa kini mengenai aktiviti pemuliharaan ini.

Mengikut kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menetapkan sesebuah bangunan lama atau monumen yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun ini dapat diwartakan atau diangkat menjadi bangunan bersejarah, penjagaan serta perlindungan dan kerja-kerja pemuliharaan (Jabatan Warisan Negara, 2008). Oleh itu, kajian ke atas Rumah Agam Cheong Fatt Tze yang dijadikan sebagai kajian kes bagi meneliti sama ada pendekatan suai guna semula ini telah berjaya atau tidak dalam usaha mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada seni bina rumah tersebut. Sehubungan dengan itu juga, kajian sebegini wajar dilakukan agar pihak bertanggungjawab juga dapat mencari alternatif lain bagi menambahbaik lagi bangunan tersebut pada masa akan datang.

Permasalahan kajian yang terakhir adalah terdapat kelompongan kajian mengenai Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Perkara ini disebabkan oleh, kebanyakan penyelidikan terhasil adalah mengenai arkitektur rumah tersebut

(Novrial et al., 2019). Tambahan pula kajian berkaitan suai guna semula dilihat masih kurang dijalankan. Oleh itu pengkaji mencari beberapa kajian yang dapat dijadikan sebagai rujukan untuk pengkaji mendapatkan input atau informasi yang diperolehi sedikit sebanyak adalah datang daripada kajian-kajian yang berkaitan dengan aktiviti memperbaiki kerosakan Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Malah dengan adanya kajian sebegini, secara tidak langsung dapat mengangkat warisan tersebut agar terpelihara dan dapat memberikan fungsi baharu kepada sesebuah bangunan bersejarah yang ada di Malaysia terutamanya di tempat kajian iaitu negeri Pulau Pinang.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pengkaji telah membentuk beberapa persoalan untuk mencapai objektif dalam menjalankan kajian berkaitan dengan suai guna semula Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Persoalan kajian bagi kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:


1. Sejauhmanakah tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan?
2. Apakah persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze.
3. Sejauhmanakah keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah seperti yang disenaraikan dibawah dan pada bahagian ini objektif merupakan satu panduan untuk mencapai matlamat akhir kajian ini:

1. Meninjau tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan.
2. Menganalisis persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze.
3. Mengenalpasti keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat.

## 1.5 SKOP KAJIAN



**Gambar 2.1: Peta kedudukan Rumah Agam Cheong Fatt Tze**

Pada bahagian ini, kajian hanya dibataskan kepada bangunan bersejarah sahaja. Kajian ini akan dilaksanakan ke atas bangunan bersejarah yang terdapat di Pulau Pinang iaitu Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Berhubungan dengan rumah tersebut, pengkaji telah membataskan kajian ini dengan melihat kepada suai guna semula ke atas nilai warisan yang terdapat pada rumah tersebut. Pengkaji telah menetap tiga objektif kajian bagi melaksanakan penyelidikan mengenai Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Oleh kerana itu, pengkaji akan membuat tinjauan berkaitan dengan tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan. Seterusnya objektif kedua, pengkaji akan menganalisis persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang dimiliki oleh Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Objektif kajian yang terakhir adalah untuk mengenalpasti keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat. Justeru itu, dalam proses pengumpulan data

bagi kajian ini pengkaji telah menjalankan soal selidik kepada masyarakat setempat bagi menjawab persoalan dan objektif kajian.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pengkaji berharap agar hasil daripada dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai pengetahuan yang berguna kepada penyelidik dan semua pihak termasuk institusi yang terlibat dalam bidang konservasi. Hal ini kerana, kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak mengenai perangkaan mengenai pengekalan nilai warisan yang terdapat pada sebuah bangunan bersejarah sebagai suatu pembelajaran yang boleh digunakan sebagai sebuah medium rujukan pada masa akan datang. Kajian mengenai suai guna semula nilai warisan kajian kes Rumah Agam Cheong Fatt Tze di Pulau Pinang ini dapat memberi manfaat terutamanya kepada pengkaji, masyarakat serta badan-badan yang bertanggungjawab dalam memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara.

### **1.6.1 Pengkaji**

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengkaji sendiri dalam menambah ilmu pengetahuan mengenai nilai-nilai yang terdapat pada sesebuah bangunan terutamanya bangunan lama yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana, kajian-kajian sebegini terdapat dalam bidang pendidikan yang mampu meningkatkan lagi mutu pendidikan di negara ini. Malah kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat dijadikan sebagai titik permulaan bagi memperbanyakkan kajian-kajian tentang bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, kajian penyelidikan yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu pengkaji

serta penyelidik pada masa akan datang menjalankan kajian dengan sumber rujukan yang mencukupi.

### **1.6.2 Masyarakat**

Kajian ini diharapkan juga dapat memberikan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat mengenai bangunan-bangunan bersejarah samada di kawasan mereka mahupun negeri-negeri lain. Pengkaji berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat memberi lebih banyak input tentang bangunan bersejarah yang merupakan salah satu khazanah negara dengan lebih terperinci dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, supaya masyarakat juga tahu akan kepentingan yang ada sekiranya sesebuah bangunan bersejarah ini dipelihara. Disamping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada masyarakat tentang bangunan-bangunan seperti Rumah Agam Cheong Fatt Tze turut mengalami perubahan samada dari segi senibina setelah berlakunya pemuliharaan terutamanya dari aspek kegunaan bangunan tersebut. pemeliharaan khazanah negara ini adalah untuk mengekalkan identiti sesebuah negara. Oleh itu, kajian sebegini wajar dijalankan agar dapat memperbanyakkan lagi kajian atau maklumat-maklumat berkaitan dengan khazanah negara ini.

### **1.6.3 Badan-Badan Bertanggungjawab**

Di samping itu, hasil daripada dapatan kajian ini juga boleh digunakan atau dijadikan sebagai satu rujukan kepada badan-badan bertanggungjawab bagi memastikan sesebuah bangunan bersejarah yang ada di Malaysia ini dapat dikekalkan dan dipulihara. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengekalan sesebuah bangunan bersejarah ini boleh dijadikan sebaga sumber penyelidikan



dan pendidikan. Jika dilihat dari sudut kemajuan teknologi masa kini, ramai generasi muda lebih tertarik dengan perkara lain dan semangat patriotisme yang semakin kurang dalam diri mereka. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu badan-badan bertanggungjawab bagi mencari langkah atau cara yang berkesan dalam memastikan sesebuah bangunan bersejarah itu dipelihara agar dapat membentuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda pada masa kini.

## 1.7 RUMUSAN

Kesimpulannya, sesebuah bangunan bersejarah ini merupakan aset terpenting bagi sesebuah negara. Monumen bersejarah seperti bangunan ini juga dikategorikan sebagai satu identiti negara dan dapat menarik perhatian pelancong luar negara. Oleh itu, dengan adanya kajian mengenai senibina seperti Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini dapat membantu meningkatkan sistem ekonomi negara dalam aspek pelancongan. Selain itu, dapat dilihat bahawa senibina pada bangunan-bangunan bersejarah di Malaysia ini telah dipengaruhi oleh budaya di Malaysia dan juga pengaruh budaya luar negara. Di samping itu, bangunan bersejarah yang dianggap sebagai khazanah negara ini juga merupakan satu bukti kukuh kepada sesuatu era atau peristiwa sejarah. Jelaslah bahawa pengekal dan pemeliharaan terhadap bangunan bersejarah ini merupakan satu kepentingan bagi pihak bertanggungjawab supaya generasi muda pada masa kini lebih terbuka bagi menghayati warisan dan khazanah di negara kita. Oleh itu, pihak bertanggungjawab di Pulau Pinang perlulah sentiasa bekerjasama dalam memastikan bangunan-bangunan bersejarah di sana kekal dari segi kecantikan dan keunikan senibina Rumah Agam Cheong Fatt Tze.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai tinjauan kajian lepas tentang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan terhadap tajuk kajian pengkaji iaitu “Suai Guna Semula ke atas Nilai Warisan Kajian Kes Rumah Agam Cheong Fatt Tze”. Pengkaji telah membuat beberapa penelitian bagi melihat kelompongan berkaitan dengan tajuk kajian serta memenuhi kelompongan tersebut. Selain itu, pengkaji juga telah membuat tinjauan terhadap kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu samada di dalam negara atau luar negara. Di samping itu, hasil yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas ini dapat membantu pengkaji dalam mengetahui permasalahan dan penyelesaian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam kajian mereka. Oleh itu, menerusi tinjauan kajian lepas yang dijalankan ini dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan kajian yang baik dan sistematik.

#### 2.1 BANGUNAN WARISAN

Akta Warisan Kebangsaan (2005) telah mendefinisikan bangunan ini merujuk kepada sesuatu atau kumpulan bangunan yang bersambungan atau berasingan, seni bina bangunannya atau tempatnya dalam landskap yang mana bangunan tersebut memiliki nilai sejagat yang tinggi dari sudut pandangan sejarah, seni atau sains. Oleh itu, aktiviti menyelenggara sesebuah bangunan merupakan aktiviti penting dalam kitaran hayat bangunan.

Di samping memastikan bangunan warisan selamat didiami atau digunakan, pihak pengurusan perlu melakukan pemeriksaan berkala. Hal ini bertujuan bagi mengenalpasti keadaan semasa bangunan tersebut samada dalam keadaan baik atau tidak baik untuk menyediakan pelan tindakan pemuliharaan yang bersesuaian dengan kerosakan. Walaubagaimanapun, pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan perlulah melihat dari sudut kepentingan yang terdapat pada sesebuah bangunan iaitu faktor sejarah dan nilai estetikanya. Menurut Harun (2005) selain dari melihat sudut sejarah, pihak bertanggungjawab juga memberi perhatian terhadap usia sesebuah bangunan juga penting dalam hal pewartaannya sebagai sebuah bangunan warisan. Terdapat beberapa jenis bangunan warisan yang ada di Malaysia namun begitu bangunan warisan yang dikaji oleh pengkaji adalah merupakan salah satu rumah kediaman yang terdapat di Pulau Pinang.

### **2.1.1 RUMAH KEDIAMAN**

Rumah kediaman merujuk kepada rumah yang diduduki secara persendirian ataupun berkumpulan. Di Malaysia banyak rumah-rumah kediaman yang telah dijadikan sebagai salah sebuah bangunan warisan. Sebagai contoh rumah-rumah tokoh seperti Rumah Tun Dr. Mahathir, rumah kediaman tokoh Mat Kilau yang terletak di Hulu Terengganu. Rumah kediaman yang ada juga memiliki nilai warisannya yang tersendiri dan memberikan manfaat kepada negara. Pembinaan sesebuah rumah ini memerlukan tempat atau kawasan tanah samada hak sendiri atau pemilikan. Di Pulau Pinang terdapat sebuah rumah agam yang merupakan rumah kediaman yang telah dibangunkan oleh Cheong Fatt Tze. Di mana rumah ini dibina dengan memiliki 38 buah bilik, 5 bidang laman dalam diturap granit, 7 batang tangga dan 220 buah tingkap beram balak

vernakular. Rumah kediaman ini dibina dengan berasaskan prinsip Fengshui. Sehubungan dengan itu juga, senibina rumah tersebut merupakan ilham daripada seni bina China.

### **2.1.2 KAJIAN RUMAH AGAM CHEONG FATT TZE**

Natasha Shafira Jiemy (2019) dalam kajian “Kajian Arsitektural Tionghua pada Rumah Tjong A Fie dan Rumah Cheong Fatt Tze” telah membincangkan mengenai ciri-ciri seni bina Cina di Rumah Tjong A Fie dan Rumah Cheong Fatt Tze. Selain itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat identiti dan ciri-ciri seni bina kaum Cina dari aspek fizikal dan bukan fizikal yang terdapat pada kedua-dua rumah tersebut. Sehubungan dengan itu, bagi mendapatkan data pengkaji menggunakan kaedah memerhati dan merekod dan menganalisis data tersebut dengan menggunakan pendekatan deskriptif. Data yang terkumpul adalah dari aspek sejarah sesebuah bangunan, sejarah fizikal bangunan dan seni bina bangunan dahulu dan sekarang. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa seni bina kedua-dua rumah tersebut merupakan ilham daripada seni bina bangunan yang sedia ada di Selatan China.

## **2.2 WARISAN**

Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot (2011) dalam kajian “Akta Warisan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu” membincangkan mengenai maklumat tentang Akta Warisan Negara 2005 yang menggariskan prinsip dan peraturan tentang perlindungan memuliharaan dan lestari warisan dan budaya yang sesuai serta definisi warisan. Negara Malaysia pasti memiliki kepelbagaian warisan budaya kerana rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Sehubungan dengan itu, warisan negara yang merupakan salah satu khazanah

negara yang dimiliki haruslah dijaga kerana ianya merupakan sebuah identiti negara. Jesturu itu, dalam memelihara dan memulihara sesebuah warisan negara secara tidak langsungnya perlu mengetahui makna warisan itu sendiri. Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat* (2007) warisan merupakan suatu perkara atau benda yang diterima secara turun-temurun yang dihasilkan oleh masyarakat terdahulu. Warisan ini terdiri daripada apa jua yang telah ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu samada ianya buatan mahupun semulajadi sama ada ianya dapat dilihat atau tidak (Akta 179 Harta Benda Purba, 1976). Pernyataan ini telah disokong oleh pernyataan definisi yang dikeluarkan oleh Akta Warisan Kebangsaan (2005) yang menyelaskan bahawa warisan ini merujuk kepada warisan kebangsaan, tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau orang hidup yang diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Oleh itu, jelaslah bahawa warisan ini merupakan peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini yang merangkumi daripada hasil-hasil perbuatan tangan, pemikiran, falsafah, dan kreativiti mereka.

### **2.2.1 PEMULIHARAAN WARISAN**

Secara umumnya, pemuliharaan ini merujuk kepada satu aktiviti atau tindakan bagi memanjangkan jangka hayat sesuatu objek warisan. Pemuliharaan bangunan ini merupakan salah satu aspek yang penting dalam mengekalkan bangunan bersejarah daripada ancaman kepupusan samada menajalakan aktiviti pembaik pulih, pembinaan semula, melindungi dan sebagainya. Dalam kajian lepas yang bertajuk “Perlindungan Harta Warisan: Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan dalam Pembangunan Negara” oleh Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, dan Ab Samad Kechot (2013) membincangkan mengenai keberkesanan pemuliharaan dan pemeliharaan dan sejauhmanakah

aktiviti tersebut dijalankan dalam usaha untuk melindungi harta warisan negara. Di mana dalam kajian ini telah menyentuh tentang perundangan yang berkaitan dengan warisan di mana pengkaji menyimpulkan bahawa perundangan ke atas warisan yang sedia ada ini tidak dapat memberi kawalan yang lengkap dan tegas terhadap pembangunan negara.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Rosniza Aznie Che Rose dan Nur Athirah Khalid (2017) iaitu “Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO Georgetown, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan” membincangkan tentang pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di Tapak UNESCO. Perbincangan ini dijalankan ke atas peniaga dan pelancong tempatan mengenai pemuliharaan bangunan warisan di Pulau Pinang dijalankan dengan baik ataupun tidak. Oleh itu, menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa pengurusan pemuliharaan bangunan ini wajar dijalankan oleh pihak bertanggungjawab dalam membuat perancang bagi menguruskan pemuliharaan sesebuah bangunan bersejarah.

### **2.3 KAJIAN MENGENAI SUAI GUNA SEMULA BANGUNAN**

*Adaptive Reuse* atau dikenali sebagai penyesuaiangunaan semula ini merupakan satu aktiviti yang dijalankan dalam proses memulihara warisan. Suai guna semula ini merupakan aktiviti dimana pihak bertanggungjawab memberi fungsi baharu atau menggunakan semula bangunan warisan dalam erti kata yang lain ialah langkah pemuliharaan dalam bentuk mengubah fungsi lama sesebuah bangunan kepada fungsi yang baharu.

Daeng Haliza Daeng Jamal, Norazlinda Rosdi dan Zuliskandar Ramli (2020) dalam kajian “Pelestarian Warisan Seni Bina Melayu: Tinjauan Ke Atas

Guna Semula Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak” telah membincangkan mengenai tinjauan yang dilakukan ke atas Istana Kenangan bagi usaha melestarikan seni pertukangan warisan Melayu. Dalam kajian ini, penulis membincangkan tentang kaedah yang efektif atau berkesan dalam usaha untuk melindungi warisan pertukangan Melayu melalui pendekatan menggunakan semula bangunan tersebut agar jangka hayat sesebuah bangunan itu lama. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif yang merangkumi kajian kepustakaan dan menemu bual empat orang pakar dalam bidang yang berkaitan. Data yang dikumpulkan melalui sesi temu bual akan dianalisis dengan cara memindahkannya ke dalam bentuk transkrip dan dibahagikan kepada beberapa tema. Di samping itu, pendekatan menggunakan semula istana ini membuktikan bahawa ianya digunakan bagi melindungi teknik dan kaedah pembinaan serta bahan yang digunakan dan sekali gus mengubah fungsi istana dan memagjangkan jangka hayat istana tersebut mengikut keperluan kontemporari. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan menggunakan semula Istana Kenangan sebagai sebuah muzium ini telah berhasil dalam memastikan teknologi pertukangan warisan Melayu ini terpelihara daripada pupus dan keaslian seni pertukangan tidak berlaku perubahan semasa suai guna semula dijalankan ke atas istana tersebut.

Daeng Haliza Daeng Jamal dan Zuliskandar Ramli (2021) dalam kajian *“Pemuliharaan Beberapa Bangunan Bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas Penglibatan Komuniti Setempat dalam Suai Guna Semula”* telah membincangkan tentang penglibatan komuniti masyarakat setempat dalam menjalankan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah dengan menggunakan pendekatan suai guna semula ke atas bangunan bersejarah. Hal



ini dikatakan demikian kerana, penglibatan yang komuniti setempat ini digalakkan kerana mereka merupakan pihak terdekat yang boleh dirujuk dalam proses melindungi aset warisan daripada kepupusan. Di samping itu juga, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan penganalisan data dengan menggunakan pendekatan analisis tematik. Sehubungan dengan itu, panduan yang digunakan dalam menganalisis penglibatan komuniti dalam kajian ini ialah menerusi Kerangka Tangga Penyertaan yang telah dikemukakan oleh Arnstein. Oleh itu, hasil tinjauan yang dijalankan membuktikan bahawa komuniti setempat di kawasan yang dikaji memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan bersejarah menerusi penyesuaiangunaan semula. Sebagai contoh, Masjid Lama Kedai Mulong yang dibina semula oleh penduduk bagi melindungi rumah tradisional tersebut dari ancaman kepupusan. Di samping itu juga, kajian ini telah membuktikan bahawa selain dari pihak kerajaan masih terdapat pihak yang boleh membantu dalam turut terlibat dalam melestarikan warisan setempat terutamanya bangunan bersejarah yang juga merupakan identiti sesebuah bangsa.

Dalam proses penyesuaingunaan semula dijalankan ke atas bangunan-bangunan bersejarah, terdapat segelintir pihak bertanggungjawab yang mengusulkan hasrat mereka untuk suai guna semula rumah tokoh-tokoh Malaysia menjadi memorial (Nor Syahila Ab Rashid dan Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud, 2014). Berdasarkan jurnal ini, terdapat isu yang diutarakan iaitu sikap ambil mudah ketika melaksanakan penyesuaingunaan dapat memberikan impak yang negatif terutamanya kepada bangunan warisan tersebut. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mencari cara atau formula terbaik untuk menyesuaikangunaan bangunan kediaman

kepada bangunan memorial agar dapat menjadi bahan pameran yang lengkap sebagai sebuah rumah kediaman tokoh-tokoh Malaysia. Oleh itu, penyesuaian semula bangunan ini perlu mengikut panduan agar nilai warisan yang terdapat pada sesebuah bangunan bersejarah ini sangat bernilai.

Nur Elisa Natasha Sukhairy (2022) dalam kajian “Penyesuai Gunaan Semula Bangunan Rumah Kedai Lama di Jalan Mendaling Kajang, Selangor” yang membincangkan tentang bentuk penyesuaiangunaan semula bangunan Rumah Kedai Lama serta keberkesanan suai guna semula ke atas rumah tersebut. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan teori yang telah dipelopori oleh Henry Fayol iaitu teori pengurusan. Oleh itu, hasil kajian ini telah membuktikan bahawa pemuliharaan yang dijalankan dengan menggunakan teknik penyesuaiangunaan semula ke atas sesebuah bangunan adalah untuk memastikan jangka hayat sesebuah bangunan itu lebih lama sekaligus membantu dalam mengekalkan harta warisan yang terdapat di negara ini.

## 2.4 RUMUSAN

Secara ringkasnya, setiap bahagian bangunan yang menjalani proses pemuliharaan akan diperiksa terlebih dahulu kerosakkan yang dialami agar dapat mencari kaedah rawatan yang bersesuaian supaya nilai warisan pada bangunan tersebut tidak terhapus. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai Rumah Agam Cheong Fatt Tze masih kekurangan. Oleh itu, setiap maklumat yang dinyatakan dengan melihat kajian lepas yang dapat dikaitkan dengan tajuk kajian. Di samping itu, kerja pemuliharaan yang bagus adalah berdasarkan kualiti kerja setelah kerja pemuliharaan berhasil memberi nafas baharu kepada bangunan yang diselidiki.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Metodologi kajian merupakan satu cara bagaimana sesuatu kajian itu dilaksanakan. Sehubungan itu, dalam metodologi kajian ini merangkumi langkah dan tatacara yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian. Metodologi kajian sangat penting dalam sesuatu kajian agar penyelidikan yang dijalankan ini memiliki kaedah yang sesuai dan sistematik dalam mencapai objektif kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka merangkumi kepada reka bentuk kajian, pengumpulan data dan penganalisan data.

#### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini merujuk kepada kaedah keseluruhan yang telah dipilih oleh pengkaji bagi menangani masalah kajian serta mencapai objektif kajian. Reka bentuk kajian ini meliputi bentuk dan arah sesebuah kajian itu dilaksanakan, isu kajian dan persoalan kajian, pengumpulan serta pemprosesan data. Reka bentuk kajian ini akan menjadi satu rancangan tindakan bagi melaksanakan kajian. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan oleh Rosseni Din (2020) iaitu reka bentuk kajian ini adalah satu kajian yang memiliki format deskriptif yang digunakan bagi memperolehi maklum balas pengetahuan, kemahiran dan kebergunaan berkaitan dengan sesuatu yang menjadi tunjang kajian yang dijalankan.

Oleh itu, kaedah yang bersesuaian dengan matlamat kajian memiliki kepentingan tertentu dalam menentukan dapatan kajian yang diperolehi ini menjawab objektif kajian sekaligus menjawab permasalahan kajian. Setiap cara yang dipilih perlulah bertepatan dengan objektif kajian yang perlu dicapai. Secara

tidak langsung, reka bentuk kajian yang bersesuaian dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan data kajian dengan mudah dan lebih teratur.

### **3.2 KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian ini adalah satu cara yang harus digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan serta permasalahan kajian yang dijalankan. Oleh itu, kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah campuran iaitu gabungan antara kaedah kualitatif dan kuantitatif yang mana cara ini digunakan bagi menjawab setiap objektif bagi dibentuk dalam kajian ini.

#### **3.2.1 KAEDAH KUALITATIF**

Menurut Chua (2006), kajian kualitatif merupakan kajian yang mana data penerangannya tidak dilakukan dalam bentuk angka dimana terdapat beberapa perkara yang memerlukan kaedah pemerhatian dengan lebih teliti yang mempunyai unsur emosi, motivasi dan empati yang dikaitkan dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi. Data kualitatif ini dapat diperolehi dari cara pemerhatian, analisis data dan cara atau kaedah bagi mendapatkan data dengan lebih lengkap.

#### **3.2.2 KAEDAH KUANTITATIF**

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji turut menggunakan kaedah kajian kuantitatif bagi mendapatkan data analisis kajian. Menurut Mohd Zuhairil Ikmal (2019) kaedah kuantitatif ini adalah salah satu pendekatan yang berbentuk angka atau nombor. Kaedah ini digunakan bagi memperkukuhkan lagi dapatan kajian yang berkaitan dengan objektif kajian yang dibina. Justeru itu, kaedah kuantitatif ini sangat bersesuaian untuk digunakan bagi menjawab kesemua objektif kajian. Kaedah kuantitatif ini digunakan dengan membuat soal selidik dan diberikan kepada masyarakat di kawasan tersebut bagi melihat sejauhmana keberkesanan

pendekatan suai guna semula ke atas nilai warisan Rumah Agam Cheong Fatt Tze.

### **3.3 PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data adalah salah satu aspek metod yang jelas bagi mendapatkan sesebuah data. Kajian yang baik dan sistematik terhasil daripada bagaimana sesuatu data itu dikumpulkan oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini. Oleh itu, pengumpulan data ini dilakukan dengan teliti agar maklumat yang dikumpulkan tidak bercanggah dengan objektif kajian dan menjawab persoalan kajian tersebut. Terdapat dua jenis pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder.

#### **3.3.1 DATA PRIMER**

Data primer ini merujuk kepada data asli yang diperolehi daripada kajian lapangan, pemerhatian dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji akan mengambil langkah dalam mendapatkan dapatan kajian yang sahih yang mana ianya terdiri daripada pengumpulan data dari lokasi bagi sesuatu penelitian dan dokumentasi.

##### **a) KAEDAH SOAL SELIDIK**

Pengkaji akan melakukan tinjauan dengan menggunakan serta mendedarkan boring soal selidik secara atas talian bagi memenuhi kesemua objektif kajian ini. Kajian ini dibangunkan berdasarkan tiga objektif kajian iaitu meninjau tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan. Objektif kedua, menganalisis persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze dan yang terakhir adalah mengenalpasti keberkesanan pendekatan suai guna

semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat.

#### **b) KAEDAH PEMERHATIAN**

Pengkaji akan turun ke lapangan bagi melihat keadaan bangunan yang dikaji seperti warna, perabot yang digunakan dan keadaan persekitaran lokasi kajian.

### **3.3.2 DATA SEKUNDER**

Data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada hasil kajian terdahulu seperti buku, jurnal, artikel dan sebagainya. Data sekunder ini juga merupakan data yang penting agar dapat menghasilkan kajian yang baru dan berkualiti. Terdapat beberapa kaedah yang diperoleh berdasarkan data sekunder seperti berikut.

#### **a) KAEDAH KEPUSTAKAAN**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kepustakaan yang mana ianya merupakan salah satu elemen penting untuk mendapatkan maklumat. Kaedah ini merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data daripada bahan-bahan rujukan seperti buku, jurnal dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji telah berkunjung ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian.

#### **b) KAEDAH INTERNET**

Kaedah internet juga digunakan bagi mendapatkan maklumat untuk kajian ini. Pengkaji membuat carian berkaitan jurnal ilmiah dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam memperoleh data dengan lebih sistematik.

**c) KAEDAH FOTOGRAFI**

Dalam kaedah ini, pengkaji akan mengambil gambar terkini Rumah Agam Cheong Fatt Tze dengan menggunakan kamera Iphone 13 Mini untuk mendapatkan resolusi gambar yang lebih tinggi dan teliti.





### 3.4 ANALISIS DATA

OBJEKTIF KAJIAN	PENDEKATAN KAJIAN	KAEDAH KAJIAN
<p>1. Meninjau tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan.</p>	<p>1. Kajian Ilmiah 2. Soal Selidik</p>	<p><b>Kajian Ilmiah:</b> Melayari laman web dan portal yang menjalankan kajian berkaitan Rumah Agam Cheong Fatt Tze.</p> <p><b>Soal Selidik:</b> Membuat dan mengedarkan soal selidik kepada masyarakat setempat.</p>
<p>2. Menganalisis persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze.</p>	<p>1. Kajian Ilmiah 2. Soal Selidik</p>	<p><b>Kajian Ilmiah:</b> Melayari laman web dan portal yang menjalankan kajian berkaitan Rumah Agam Cheong Fatt Tze.</p> <p><b>Soal Selidik:</b> Membuat dan mengedarkan soal selidik kepada masyarakat setempat.</p>

<p>3. Mengenalpasti keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dari perspektif masyarakat setempat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Soal selidik</li> <li>2. Pemerhatian</li> <li>3. Fotografi</li> </ol>	<p><b>Soal Selidik:</b></p> <p>Membuat dan mengedarkan soal selidik kepada masyarakat setempat.</p> <p><b>Pemerhatian:</b></p> <p>Turun ke lapangan bagi melihat keadaan bangunan yang dikaji seperti warna, perabot yang digunakan dan keadaan persekitaran lokasi kajian.</p> <p><b>Fotografi:</b></p> <p>Mengambil gambar Rumah Agam Cheong Fatt Tze untuk dijadikan sebagai bahan kajian.</p>
---	---	---

### 3.5 RUMUSAN

Oleh itu, dapat dilihat bahawa bahagian metodologi kajian ini merupakan salah satu aspek terpenting dalam melaksanakan sesuatu kajian. Di mana metodologi ini memainkan peranan bagaimana sesebuah data itu diperolehi bagi menjawab objektif dan persoalan kajian tersebut. Justeru itu, pengkaji perlu meneliti dengan betul agar bahagian ini tidak menjejaskan kajian yang dilaksanakan pengkaji.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN


#### 4.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan secara terperinci kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian mengenai Suai Guna Semula Ke Atas Nilai Warisan: Kajian Kes Rumah Agam Cheong Fatt Tze. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif sebagai langkah pengumpulan data dan analisis data yang sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan. Sumber primer dan sumber sekunder mempengaruhi keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian. Setiap kaedah yang dijalankan oleh pengkaji akan direkodkan secara terperinci dan tepat tanpa meninggalkan sebarang apa-apa maklumat yang penting. Segala dapatan yang diperoleh untuk menjawab kesemua persoalan kajian dan seterusnya memenuhi objektif kajian yang telah digagaskan oleh pengkaji seperti yang dicatatkan oleh pengkaji di dalam Bab 2 kajian ini. Oleh hal yang demikian, bab ini akan menghuraikan dan menjawab segala persoalan kajian dan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

#### 4.1 DATA DEMOGARFI RESPONDEN

Pada bahagian ini, pengkaji menyenaraikan maklumat mengenai latar belakang dan demogarfi responden yang terlibat bagi melengkapkan kajian ini. Sehubungan itu, data-data yang diperoleh ini adalah daripada soalan yang telah dijawab oleh responden melalui soal selidik yang dihasilkan dan diberikan oleh pengkaji secara atas talian iaitu dalam bentuk *Google Form*. Maklumat yang diperolehi ini adalah berkaitan dengan umur, jantina, bangsa, status, pekerjaan dan taraf pendidikan responden diperolehi dalam bentuk carta pai seperti yang ditunjukkan di bawah:

### a) UMUR RESPONDEN



Carta 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur

Berdasarkan carta di atas, jelas menunjukkan mengenai taburan responden mengikut pengkelasan umur dan menerusi carta ini juga telah memperlihatkan peratusan yang tertinggi ialah sebanyak 56.2% dalam kalangan responden ini berumur lingkungan 20 hingga 25 tahun seramai 77 orang responden. Manakala kedua tertinggi adalah seramai 18 orang responden berada dalam lingkungan umur 32 hingga 37 tahun yang mengutip sebanyak 13.1%. bagi responden dalam lingkungan umur 26 hingga 31 tahun pula menunjukkan bilangan ketiga tertinggi iaitu seramai 17 orang responden sebanyak 12.4%. Seterusnya, bagi responden dalam lingkungan umur 38 hingga 43 tahun pula adalah seramai 13 orang responden iaitu sebanyak 9.5% dan selebihnya adalah responden dalam lingkungan umur 44 hingga 49 tahun ke atas mengutip sebanyak 8.8%.

Berdasarkan keseluruhan, catatan peratus yang banyak dalam menjawab soal selidik ini merupakan responden yang berada di dalam lingkungan umur 20 hingga 25 tahun.

## b) JANTINA RESPONDEN

Carta 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Bagi taburan responden mengikut jantina pula yang menajwab soal selidik ini adalah seperti carta 2 di atas. Menerusi carta tersebut, dapat dilihat bahawa seramai 75 orang atau sebanyak 54.3% adalah terdiri daripada responden perempuan. Manakala seramai 63 orang responden bersamaan dengan 45.7% adalah terdiri daripada responden lelaki. Secara keseluruhannya, ia menjadikan responden perempuan memiliki bilangan yang tertinggi berbanding dengan responden lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana responden daripada golongan perempuan lebih mudah untuk memberi Kerjasama dalam menjawab soal selidik ini. Tambahan pula soal selidik ini diedarkan secara atas talian dan majoritinya telah dijawab oleh golongan perempuan.

**c) BANGSA**

Carta 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Carta di atas telah menunjukkan sebanyak 65.7% responden seramai 90 orang daripada 138 orang responden yang terdiri daripada bangsa Melayu. Manakala bagi peratus kedua tertinggi adalah terdiri daripada bangsa Cina iaitu sebanyak 19% seramai 26 orang responden. Bilangan responden bagi bangsa India pula memiliki jumlah 14.6% daripada 20 orang responden dan 0.7% adalah daripada bangsa yang lain. Secara keseluruhannya, melalui dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa di bangsa Melayu lebih ramai di lokasi kajian berbanding bangsa yang lain.

**d) STATUS**

Carta 4.4: Taburan Responden Mengikut Status

Berdasarkan carta pai di atas, jelaslah menunjukkan bahawa peratus tertinggi dalam kategori status responden adalah status bujang iaitu sebanyak 67.4% seramai 93 orang daripada 138 orang responden. Manakala selebihnya adalah memihak kepada golongan status berkahwin iaitu sebanyak 32.6% iaitu seramai 45 orang daripada 138 orang responden. Secara keseluruhannya, taburan responden mengikut status ini yang tertinggi adalah golongan bujang yang menjawab soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji.

#### e) PEKERJAAN

Carta 4.5: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Di atas merupakan pernyataan bagi taburan responden mengikut sektor pekerjaan masyarakat yang menjawab soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Berdasarkan carta di atas, dapat dilihat bahawa seramai 67 orang daripada 138 orang responden mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 48.6% iaitu daripada golongan pelajar. Manakala daripada sektor bekerja sendiri telah mencatat peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 21% yang mewakili 29 orang responden. Seterusnya, seramai 25 orang responden dalam golongan sektor swasta turut mencatat sebanyak 18.1%. Manakala selebihnya adalah golongan sektor kerajaan dan golongan tidak bekerja yang telah mencatat



sebanyak 10.9% seramai 15 orang responden dan 1.4% yang hanya mencatat 2 orang responden.

Secara keseluruhannya, responden daripada golongan pelajar telah mencatat bilangan yang lebih tinggi daripada bilangan responden dari sektor yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan pelajar ini merupakan salah satu golongan yang banyak didedahkan mengenai pemuliharaan bangunan warisan menerusi bidang pendidikan.

#### **f) TARAF PENDIDIKAN**

Carta 4.6: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan

Carta di atas merupakan satu dapatan data kajian berkaitan dengan demografi responden iaitu taburan responden mengikut taraf pendidikan. Menerusi data tersebut, dapat dilihat bahawa taraf pendidikan yang telah mencatat peratusan tertinggi adalah sebanyak 59.4% seramai 82 orang yang berpendidikan taraf Ijazah. Manakala sebanyak 16.7% iaitu dengan catatan seramai 23 orang responden adalah terdiri daripada taraf pendidikan Diploma. Seterusnya adalah bilangan responden mengikut taraf pendidikan bagi lain-lain taraf pendidikan dan sekolah menengah masing-masing telah mencatat

peratusan yang sama iaitu 11.6% mewakili 16 orang responden. Selebihnya adalah responden yang mencatat sebanyak 0.7% iaitu daripada swasta.

Secara keseluruhannya, bilangan responden yang tertinggi daripada bilangan responden yang memiliki taraf pendidikan yang lain adalah responden yang memiliki pendidikan Ijazah dan Diploma.

#### **4.2 MENINJAU TAHAP KESEDARAN MASYARAKAT TENTANG PENDEKATAN SUAI GUNA SEMULA DALAM PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN.**

Seperti yang sedia maklum, bangunan warisan merupakan salah satu monumen yang menjadi satu identiti pada sesebuah negara yang mana ia merupakan satu khazanah peninggalan yang tidak ternilai. Perkara ini turut disokong oleh Wendy Khadijah Moore (2004) yang mana beliau menyatakan bahawa bangunan-bangunan warisan yang terdapat di Malaysia perlulah dipulihara. Hal ini dikatakan demikian kerana bangunan-bangunan yang terbiar memiliki nilai yang tinggi. Selain itu, bangunan warisan jugakan dikatakan sebagai satu gambaran sensitivity suatu ketika dahulu yang mana ia mempunyai nilai sejarah yang tersendiri (Ghafar Ahmad, 1997).

Terdapat langkah yang boleh digunakan dalam aktiviti memulihara sesebuah bangunan. Pendekatan suai guna semula terhadap bangunan bersejarah adalah merujuk kepada salah satu cara dengan mengubah fungsi sesuatu bangunan demi memenuhi keperluan pada masa kini. Penyesuaigunaan semula merujuk kepada sebahagian daripada proses pemuliharaan. Ia adalah satu langkah bijak bagi memastikan bangunan bersejarah dipulihara, diberikan nafas baru dan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Ia juga dapat mempertahankan

khazanah warisan terdahulu dari lenyap ditelan zaman. Penyesuaigunaan semula secara umumnya akan melibatkan kerja-kerja seperti pemuliharaan, pengubahsuaian, pembaikan, pengekalan dan pembetulan. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk membuat satu tinjauan mengenai kesedaran masyarakat berkaitan dengan pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan. Terdapat beberapa soalan yang telah diajukan oleh pengkaji menerusi soal selidik yang diedarkan secara atas talian. Dapatan kajian yang telah diperoleh ini dikemukakan melalui gambaran melalui pilihan jawapan 'Ya' tau 'Tidak' dalam bentuk graf dengan lebih jelas seperti di bawah:

#### Rajah 4.1: Tahap Kesedaran Masyarakat Tentang

#### Pendekatan Suai Guna Semula Dalam Pemuliharaan

#### Bangunan Warisan Mengenai Kepentingan

#### Pemuliharaan Bangunan Warisan

Rajah 4.1 di atas telah menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Soalan yang diajukan oleh pengkaji adalah mengenai adakah pemuliharaan pada sesebuah

bangunan warisan sangat penting dalam memastikan bangunan tersebut dapat dikekalkan. Menerusi data di atas, jelas menunjukkan bahawa sebanyak 92.8% iaitu seramai 128 orang responden telah memilih 'Ya' dengan kenyataan yang diajukan pengkaji. Manakala seramai 10 orang responden memilih 'Tidak' telah mencatat sebanyak 7.2% bagi kenyataan yang diberikan ini.

Secara keseluruhan daripada kenyataan yang telah diajukan kepada responden menerusi soal selidik ini, majoriti daripada mereka telah memilih 'Ya' berkaitan dengan kepentingan pemuliharaan bangunan warisan dalam usaha memastikan bangunan tersebut dapat dikekalkan. Perkara ini jelas menunjukkan mengenai kesedaran masyarakat terhadap pendekatan suai guna semula dalam usaha pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Menurut Daeng Haliza Daeng Jamal et. al., (2021) aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan ini merupakan salah satu usaha yang boleh dilakukan dengan lebih menyeluruh dan menjadi satu tanggungjawab bagi semua pihak. Oleh itu, jelaslah bahawa kesedaran dalam kalangan masyarakat akan pentingnya memulihara bangunan warisan ini sangat penting bagi proses pengkalan bangunan warisan di kawasan mereka.

Rajah 4.2: Tahap Kesedaran Masyarakat Tentang Pendekatan Suai Guna Semula Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Mengenai Langkah-Langkah Yang Ada Dalam Usaha Pemuliharaan Warisan

Berdasarkan rajah di atas, telah menunjukkan tahap kesedaran masyarakat tentang langkah-langkah yang ada dalam usaha pemuliharaan warisan. Menerusi kenyataan ini, seramai 104 orang responden telah memilih 'ya' mencatat bilangan sebanyak 75.4%. Manakala yang selebihnya adalah sebanyak 24.6% yang mana seramai 34 orang responden telah memilih 'tidak' bagi kenyataan yang telah diajukan oleh pengkaji. Nilai peratusan yang dinyatakan seperti di dalam rajah di atas menunjukkan bilangan responden yang menjawab soal selidik ini.

Melalui rajah ini dapat menyimpulkan bahawa dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan masyarakat ini memiliki tahap kesedaran yang tinggi mengenai langkah-langkah untuk pemuliharaan warisan. Namun begitu masih terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak sedar kan langkah-langkah yang boleh dilakukan demi memulihara bangunan warisan. Oleh itu, hasil daripada

dapatan kajian ini dapat digunakan oleh pihak berkepentingan bagi mengambil inisiatif dalam memberikan kesedaran dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan langkah pemuliharaan warisan negara.

Rajah 4.3: Tahap Kesedaran Masyarakat Tentang Pendekatan Suai Guna Semula Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Mengenai Apakah Itu Suai Guna Semula Pada Bangunan Warisan

Berdasarkan rajah di atas, jelas menunjukkan seramai 110 orang responden telah memilih 'ya' bagi kenyataan di atas iaitu sebanyak 80.3% berkaitan dengan pemahaman masyarakat setempat mengenai suai guna semula pada bangunan warisan. Manakala yang selebihnya adalah telah memilih 'tidak' iaitu sebanyak 19.7% yang telah merekodkan seramai 27 orang responden. Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, dapat dikatakan bahawa segelintir besar masyarakat setempat ini memahami akan konsep suai guna semula pada bangunan warisan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa

pendekatan suai guna aini juga masih kurang terdedah kepada masyarakat setempat di sana.

Oleh itu, jelaslah bahawa dapatan kajian berkaitan dengan tahap kesedaran masyarakat setempat mengenai apakah suai guna semula pada bangunan warisan ini masih mencatatkan bilangan peratusan tinggi.

Rajah 4.4: Tahap Kesedaran Masyarakat Tentang Pendekatan Suai Guna Semula Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Mengenai Pendekatan Suai Guna Semula sebagai satu Kaedah terbaik

Rajah 4.4 di atas telah menunjukkan bilangan peratusan berkaitan dengan tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan. Kenyataan yang diajukan oleh pengkaji berkaitan dengan suai guna semula terhadap sesebuah bangunan warisan ini merupakan kaedah terbaik dalam memastikan sesebuah bangunan warisan di negara terpelihara telah mencatat bilangan tertinggi sebanyak 65.7% daripada 90 orang responden. Peratusan ini mewakili daripada responden yang memilih

'ya'. Seterusnya, seramai 47 orang responden yang memilih untuk 'tidak' telah memberikan catatan sebanyak 34.3%.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran masyarakat mengenai kenyataan yang telah diajukan oleh pengkaji adalah tinggi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa seramai 90 orang bersetuju dengan kenyataan tersebut.

#### **4.3 MENGANALISIS PERSEPSI MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP NILAI WARISAN YANG TERDAPAT PADA RUMAH AGAM CHEONG FATT TZE.**

Kajian ini telah mengemukakan persoalan mengenai persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze yang terletak di Pulau Pinang. Menurut Atkinson dalam artikel Afa Fauzul Adzim (2019: 5) telah memberi satu pengertian mengenai persepsi iaitu persepsi ialah satu proses apabila manusia mengatur dan mentafsir pola rangsangan dalam persekitaran. Dalam erti kata yang lain proses tindak balas dari manusia yang terhasil disebabkan oleh proses mentafsir maklumat yang terdapat di persekitaran yang di sekeliling mereka. Oleh itu, soalan yang diajukan oleh pengkaji adalah berbentuk pilihan jawapan skala likert iaitu dengan pilihan 'ya' dan 'tidak' telah dibina untuk memahami konteks kajian berhubung dengan apakah persepsi masyarakat mengenai nilai warisan pada rumah tersebut. Dapatan kajian yang diperoleh ini dimajukan menerusi gambaran graf yang lebih jelas seperti yang telah dinyatakan di bawah:



Rajah 4.5: Persepsi Masyarakat Setempat Mengenai  
Adakah Rumah Agam Cheong Fatt Tze Penting Kepada  
Warisan

Berdasarkan rajah di atas, jelas menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh menerusi soal selidik yang telah dijawab oleh responden mengenai persepsi masyarakat setempat mengenai apakah Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini memiliki kepentingan terhadap warisan. Hasil daripada dapatan kajian ini, di dapati bahawa sebanyak 76.1% iaitu seramai 105 orang responden telah memilih 'ya'. Selebihnya adalah seramai 33 orang responden iaitu mencatatkan bilangan peratusan sebanyak 23.9% memilih 'tidak' dengan kenyataan yang diajukan iaitu adakah Rumah Agam Cheong Fatt Tze penting kepada warisan.

Secara keseluruhan daripada kenyataan yang telah diutarakan oleh pengkaji kepada masyarakat setempat menerusi soal selidik ini, kebanyakan di antara berpendapat bahawa Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini memiliki kepentingan kepada warisan. Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa masyarakat setempat di kawasan Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini sangat peduli akan kepentingan bangunan yang memiliki nilai warisan yang tersendiri

yang dapat dikelaskan sebagai salah satu khazanah negara di kawasan mereka.

Rajah 4.6: Persepsi Masyarakat Setempat Mengenai  
Senibina, Motif dan Sosiobudaya Nilai Warisan Yang  
Terdapat Pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze Yang  
Menjadi Tarikan Pengunjung

Rajah di atas telah menunjukkan persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze dari aspek senibin, motif dan sosiobudaya pada rumah tersebut yang menjadi daya tarikan kepada pengunjung. Hasil dapatan jelas memperlihatkan bahawa seramai 127 orang responden daripada 138 orang telah memilih 'ya' dengan kenyataan yang diajukan oleh pengkaji telah mencatat bilangan peratus yang tinggi iaitu sebanyak 92%. Selebihnya telah mencatat sebanyak 8% iaitu seramai 11 orang responden yang menjawab 'tidak' untuk kenyataan tersebut.

Melalui rajah ini, dapat disimpulkan bahawa keseluruhan masyarakat setempat ini berpendapat bahawa nilai warisan dari aspek seni bina, motif dan

sosiobudaya yang ada pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini menjadi salah satu tarikan kepada pengunjung. perkara ini dapat dibuktikan apabila rumah tersebut pernah memenangi anugerah pada tahun 2004 iaitu Anugerah Seni Bina untuk Kecermelangan Reka daripada Institut Arkitek Malaysia (Cheong Fatt Tze, 2023). Oleh itu, menerusi dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai satu inisiatif bagi membuka mata masyarakat lain mengenai kepentingan dalam mengekalkan nilai warisan pada sesebuah monumen warisan di sekitar mereka.

Rajah 4.7: Persepsi Masyarakat Setempat Mengenai Ukiran Yang Terdapat Pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze.

Rajah 4.7 di atas, telah memaparkan berkaitan dengan persepsi masyarakat setempat mengenai ukiran-ukiran yang ada pada Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini sama ada ia mengandungi sebuah nilai warisan dalam seni bina ataupun tidak. Menerusi gambaran rajah di atas, menunjukkan bahawa seramai 98 orang responden yang mencatat bilangan peratus sebanyak 71%

telah memilih 'ya'. Manakala sebanyak 29% iaitu seramai 40 orang responden telah memilih 'tidak' untuk kenyataan yang telah diajukan oleh pengkaji.

Secara keseluruhan daripada rajah ini dapat dilihat bahawa kebanyakan responden yang terdiri daripada masyarakat setempat ini berpendapat bahawa Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini memiliki ukiran yang tersendiri pada beberapa struktur rumah tersebut. Jelaslah bahawa sesebuah bangunan ini memiliki nilai warisan yang tersendiri dengan berdasarkan seni bina yang ada padanya.

#### **4.4 MENGENALPASTI KEBERKESANAN PENDEKATAN SUAI GUNA SEMULA TERHADAP RUMAH AGAM CHEONG FATT TZE DARI PERSPEKTIF MASYARAKAT SETEMPAT.**

Kajian ini telah mengemukakan persoalan secara umum kepada masyarakat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pada bahagian ini soalan yang disediakan adalah berbentuk pilihan jawapan skala likert iaitu pilihan jawapan 'ya' dan 'tidak'. Bentuk soalan ini dibina adalah bertujuan untuk memahami konteks kajian yang berhubungan dengan keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dengan melihat dari sudut pandang perspektif masyarakat setempat. Oleh itu, dapatan kajian ini telah dimajukan melalui bentuk gambaran graf yang diperolehi daripada soal selidik seperti yang telah dinyatakan di bawah:

Rajah 4.8: Keberkesanan Pendekatan Suai Guna  
Semula dalam mengekalkan Nilai Warisan rumah Agam  
Cheong Fatt Tze Dari Perspektif Masyarakat Setempat.

Rajah di atas telah menunjukkan mengenai keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap Rumah Agam Cheong Fatt Tze dengan melihat perspektif masyarakat tentang usaha mengekalkan nilai warisan dalam seni bina rumah tersebut. Hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada soal selidik yang dijawab oleh seramai 138 orang responden telah menunjukkan sebanyak 89.9% yang diwakili oleh seramai 124 masyarakat setempat telah memilih 'ya' untuk kenyataan yang diajukan. Manakala seramai 14 orang responden daripada 138 orang telah memilih 'tidak' yang mana telah mencatat bilangan sebanyak 10.1% yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Melalui gambaran rajah di atas, pendapat dan pandangan dari perspektif masyarakat setempat berkaitan dengan keberkesanan pendekatan suai guna semula dalam pengekalan nilai warisan dalam seni bina ini dapat dilihat bahawa secara umumnya, sebilangan besar masyarakat setempat ini bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Seperti yang sedia maklum, bangunan seperti

Rumah Agam Cheong Fatt Tze ini merupakan sebuah identiti yang memiliki sejarah yang tersendiri di Pulau Pinang. Menerusi *Cheong Fatt Tze the Blue Mansion* (2023) setelah kematian anak terakhir daripada pemilik rumah tersebut, rumah agam itu dijual kepada sekumpulan kecil pemuliharaan di Pulau Pinang yang telah menggunakan pendekatan suai guna semula pada rumah tersebut. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pendekatan ini telah memberi kejayaan kepada kumpulan pemuliharaan ketika itu dalam usaha mereka mengekalkan nilai warisan dalam seni bina dengan memberi perubahan dalam kepelbagaian bukan hanya termaktub kepada fungsi sebuah rumah.

Rajah 4.9: Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula yang dapat memanjangkan jangka hayat Rumah Agam Cheong Fatt Tze Dari Perspektif Masyarakat Setempat mengenai

Berdasarkan rajah di atas, telah menunjukkan dapatan kajian mengenai perspektif masyarakat setempat mengenai keberkesanan pendekatan suai guna semula yang dilakukan ke atas Rumah Agam Cheong Fatt Tze dapat memanjangkan jangka hayat struktur bangunan tersebut. Sebanyak 63.8% yang

terdiri daripada 88 orang responden telah memilih 'ya' untuk kenyataan yang diajukan pengkaji. Manakala seramai 50 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan telah mencatat bilangan peratus sebanyak 36.2%.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa sebilangan besar responden bersetuju dengan pendekatan suai guna yang memberi kesan dalam memanjangkan jangka hayat rumah agam Cheong Fatt Tze. Sehubungan dengan itu juga, dapat dilihat antara keberkesanan pendekatan suai guna semula yang telah diaplikasikan ke atas rumah agam tersebut adalah dengan mengubah beberapa fungsi iaitu dengan menjadikannya sebagai hotel, butik, dewan dan sebagainya dan beroperasi sehingga kini. Oleh itu, secara tidak langsung dapat dikatakan bahawa pendekatan suai guna semula pada sesebuah bangunan ini dapat membantu negara dalam memanjangkan lagi jangka hayat bangunan warisan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

Rajah 4.10: Keberkesanan Pendekatan Suai Guna  
Semula Terhadap perubahan fungsi Rumah Agam  
Cheong Fatt Tze Dari Perspektif Masyarakat Setempat

Rajah 4.10 di atas telah menunjukkan nilai peratusan bagi keberkesanan pendekatan suai guna semula telah mengubah fungsi rumah agam Cheong Fatt Tze menjadi sebagai muzium dan rumah tumpangan. Hasil dapatan kajian ini telah mengemukakan bilangan peratusan iaitu sebanyak 94.2% telah memilih 'ya' dengan kenyataan tersebut dengan seramai 129 masyarakat setempat daripada 138 orang responden. Selebihnya adalah seramai 8 orang responden yang telah memilih 'tidak' dengan catatan bilangan peratus sebanyak 5.8%.

Secara keseluruhan dapat dilihat bahawa kebanyakan masyarakat setempat telah menyokong dengan kenyataan tersebut di mana pendekatan suai guna semula yang diaplikasikan ke atas rumah agam Cheong Fatt Tze ini telah mengubah fungsi rumah tersebut. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi mengenai pendekatan suai guna semula bangunan rumah agam Cheong Fatt Tze ini telah menyalurkan impak yang positif kepada aspek pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan tersebut.

Rajah 4.11: Keberkesanan Pendekatan Suai Guna Semula Terhadap identiti Rumah Agam Cheong Fatt Tze Dari Perspektif Masyarakat Setempat



Rajah di atas telah menunjukkan hasil dapatan kajian terhadap masyarakat mengenai keberkesanan pendekatan suai guna semula terhadap rumah agam Cheong Fatt Tze dengan melihat dari sudut perspektif masyarakat iaitu adakah identiti rumah agam yang dibina oleh pedagang China masih dapat dikekalkan meskipun telah mengalami suai guna semula. Sehubungan dengan itu gambaran graf yang telah dikemukakan telah menunjukkan sebanyak 63.8% telah menyokong kenyataan yang diajukan dengan mencatat bilangan seramai 88 orang masyarakat daripada 138 responden. Manakala didapati bahawa seramai 50 orang masyarakat setempat tidak menyokong kenyataan tersebut telah mencatat bilangan peratus sebanyak 36.2%.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian ini telah memperlihatkan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak bersetuju tentang identiti rumah yang dibina oleh pedagang China itu masih dapat dikekalkan meskipun rumah tersebut telah mengalami suai guna semula. Hal ini kerana mereka kurang memahami konsep suai guna semula yang dilaksanakan ke atas sesebuah bangunan warisan seperti rumah agam tersebut. Walau bagaimanapun, keberkesanan dengan melaksanakan pendekatan suai guna semula terhadap rumah agam tersebut berjaya membuka mata masyarakat setempat akan pentingnya sesebuah bangunan itu dipulihara.

MALAYSIA  
UNIVERSITI  
KELANTAN

#### 4.5 RUMUSAN

Dalam bab ini, pengkaji telah berjaya merumuskan kesemua maklumat yang telah diperolehi melalui edaran soal selidik secara atas talian, dan pemerhatian dalam usaha mencapai objektif serta persoalan kajian yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, hasil kaedah kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa kesemua responden yang menjawab soal selidik yang diedarkan telah berpendapat bahawa pendekatan suai guna semula yang telah dilakukan ke atas rumah agam Cheong Fatt Tze ini merupakan satu langkah yang baik untuk memelihara dan memulihara dapat memberi kesan yang positif.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini akan menterjemahkan mahupun membahaskan mengenai segala hasil daripada dapatan kajian yang telah didapati menerusi hasil dan maklumat yang telah menjawab kepada persoalan dan objektif kajian yang telah dipamerkan pada awal kajian ini. Dalam hal itu, perbahasan dalam bab ini mengandungi tiga komponen terpenting bagi merumuskan kajian yang dilaksanakan iaitu rumusan, cadangan dan penutup. Pengkaji akan membuat satu rumusan berkaitan dengan analisis yang telah dilaksanakan ke atas kajian iaitu kajian kes yang dibuat ke atas rumah agam Cheong Fatt Tze yang berkaitan dengan Suai Guna Semula Ke Atas Nilai Warisan. Terdapat beberapa tindakan yang diusulkan dalam kajian ini, pengkaji mengusulkan beberapa cadangan berkaitan dengan kerja penyesuaian guna semula dan langkah dalam pemuliharaan yang dapat diterapkan oleh beberapa pihak serta kerja-kerja yang agak bersesuaian dengan kajian yang dijalankan ini. Secara kesimpulannya, bab ini juga akan membuat kesimpulan dengan menyeluruh mengenai kajian ini.

#### 5.1 KESIMPULAN

Tuntasnya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kajian berkenaan penyusuaian guna semula terhadap bangunan Rumah Agam Cheong Fatt Tze, Pulau Pinang ini merupakan satu penyelidikan yang dapat memberikan impak untuk memperluaskan mahupun mengaktifkan lagi aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan keatas bangunan-bangunan lama. Tambahan pula, pengurusan dan penjagaan yang efektif terhadap bandar warisan ini juga adalah amat penting

dalam membentuk satu kemajuan pada bandar Georgetown dan sekaligus nilai warisan yang terdapat di sebalik bangunan- bangunan warisan lama ini dapat dikekalkan serta dijaga dengan baik sekali.

Menerusi dapatan kajian daripada objektif pertama iaitu tahap kesedaran masyarakat tentang pendekatan suai guna semula dalam pemuliharaan bangunan warisan, pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhannya masyarakat ini sedar akan aktiviti pemuliharaan terhadap sesebuah bangunan warisan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendedahan mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan ini perlu diperbanyakkan agar masyarakat ini lebih mengambil peduli akan kepentingan dalam menjaga khazanah negara dan tidak sewenang-wenangnya merosakkan bangunan tersebut. Justeru itu, kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat ini dapat membantu dalam usaha menjalankan aktiviti pemuliharaan kesemua khazanah warisan ini supaya kelestarian ini terjaga untuk generasi akan datang.

Di samping aktiviti pemuliharaan pada sesebuah bangunan warisan sudah pasti bangunan yang dipulihara ini memiliki nilai warisan yang tersendiri dalam seni binanya yang perlu dijaga. Menerusi dapatan kajian daripada objektif kedua pula adalah menganalisis persepsi masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang terdapat pada rumah agam Cheong Fatt Tze. Secara keseluruhan hasil dapatan kajian ini telah membantu pengkaji untuk melihat persepsi daripada sudut pandang masyarakat setempat itu sendiri mengenai nilai warisan pada rumah tersebut. Tinjauan yang dilakukan dalam mendapatkan data-data bagi objektif ini jelas memperlihatkan bahawa masyarakat ini sedar akan nilai warisan yang dimiliki oleh rumah tersebut sama ada dari segi ukiran dan keunikan yang

ada pada rumah tersebut mampu menjadi satu tarikan kepada pengunjung luar mahupun tempatan.

Bukan itu sahaja, daripada dapatan kajian yang telah diperoleh pengkaji melalui objektif ketiga telah mendapati bahawa keseluruhan masyarakat setempat yang menjawab soal selidik bersetuju akan keberkesanan pendekatan suai guna semula yang telah dilaksanakan ke atas rumah agam Cheong Fatt Tze. Oleh itu melalui tinjauan yang dibuat ini telah menunjukkan bahawa pendekatan suai guna semula pada rumah agam Cheong Fatt Tze untuk dijadikan sebagai sebuah fungsi baharu sememangnya telah memberikan impak yang sangat baik kepada nilai warisan bangun tersebut.

## **5.2 CADANGAN**

Bagi memastikan tindakan pemeliharaan dan pemuliharaan seperti pendekatan suai guna semula terhadap bangunan warisan seperti rumah agam Cheong Fatt Tze ini perlulah diteruskan bagi memastikan bangunan warisan ini dapat dikekalkan. Oleh itu, terdapat beberapa perancangan yang ingin dimajukan oleh pengkaji untuk menambahbaikkan lagi usaha-usaha yang dijalankan. Di mana cadangan ini haruslah dilaksanakan oleh beberapa pihak seperti yang dinyatakan di bawah:

### **5.2.1 MASYARAKAT SETEMPAT**

Menerusi kajian ini, pengkaji telah menyimpulkan bahawa tindakan dalam memelihara dan memulihara sesebuah monumen warisan seperti rumah agam Cheong Fatt Tze ini perlulah dibantu daripada pelbagai pihak seperti masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh, masyarakat adalah satu komponen utama

yang berada berdekatan dengan rumah agam tersebut. Justeru itu, masyarakat ini perlu menghulurkan bantuan seperti melibatkan diri dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan sebagaimana yang telah dilakukan kepada rumah agam Cheong Fatt Tze ini dengan menggunakan pendekatan suai guna semula.

### **5.2.2 PIHAK BERKEPENTINGAN**

Kajian ini telah dilaksanakan untuk melihat keberkesanan suai guna semula ke atas nilai warisan rumah agam Cheong Fatt Tze. Oleh itu pihak berkepentingan seperti bahagian konservasi ini perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha memelihara dan memulihara rumah agam Cheong Fatt Tze dan jugan bangunan warisan yang lain. Sehubungan dengan itu, mereka juga mengambil inisiatif dan meneliti sekiranya berlaku kerosakkan pada struktur bangunan warisan dan langkah yang efektif bagi menyelesaikan masalah tersebut dalam usaha mengekalkan nilai warisan yang ada pada setiap seni bina. Justeru itu, pihak ini perlu berganding bahu dengan komuniti masyarakat dalam memelihara dan memulihara bangunan warisan sebagai khazanah negara adalah dengan menganjurkan sebuah program perkongsian ilmu mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan kepada masyarakat di luar akan kepentingan dan kebaikan mengekalkan khazanah warisan.

**RUJUKAN**

- Adzim, A. F. (2019). *Telaah konsep persepsi menurut pemikiran Ibn Sina* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- Daeng Haliza Daeng Jamal, & Zuliskandar Ramli. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 461–474.
- Daeng Haliza Daeng Jamal, Norazlinda Rosdi, & Zuliskandar Ramli. (2020). Pelestarian warisan seni bina melayu: Tinjauan ke atas guna semula istana kenangan, Kuala Kangsar, Perak. *Jurnal Arkeologi Malaysia Disember*, 33(0128-0732), 7–15.
- Nor Syahila Ab Rashid, & Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud. (2014). Kesesuaian amalan penyesuaigunaan bangunan kediaman bersejarah kepada memorial kebangsaan. *Journal of Design and Built Environment*, 14(1), 1–13.
- Nur Elisa Natasha Sukhairi. (2022). *Penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di jalan mendaling kajang, selangor* [Projek Penyelidikan].
- Rosniza Aznie Che Rose, & Nur Athirah Khalid. (2017). Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO george town, pulau pinang: Perspektif peniaga dan pelancong tempatan. *GEOGRAFI*, 5(3), 1–7.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, & Ab Samad Kechot. (2011). Akta warisan kebangsaan, 2005: Tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173–188.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, & Ab Samad Kechot. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 64–77.
- Zain, R. A., & Din, R. (2020). Kajian reka bentuk dan pembangunan video photoshop dalam talian bagi pelajar PISMP IPGM. *Journal of Personalized Learning*, 3(1), 55-61.

## GLOSARI

**Pemeliharaan:** Memelihara sesuatu bangunan mahupun artifak daripada mengalami kerosakan yang teruk dari sedia ada

**Pemuliharaan:** Memulihkan sesuatu bangunan mahupun artifak yang sedia rosak menjadi lebih baik

**Suai Guna Semula:** Merupakan salah satu alternatif bagi memastikan bangunan bersejarah dipulihara dan digunakan dengan sebaiknya dari ditelan zaman

**Rumah Agam:** Rumah atau tempat tinggal yang lebih besar berbanding rumah-rumah banglo yang lain dan juga mempunyai keluasan tanah yang agak besar

**Nilai Warisan:** Prinsip dan Kualiti sesuatu warisan yang diturun temurunkan dan dijaga hingga ke hari ini



## LAMPIRAN



**Pandangan Panorama Bangunan Rumah Agam Cheong Fatt Tze**



**Ruangan Halaman Rumah Agam Cheong Fatt Tze**

MALAYSIA

KELANTAN




**Lukisan Potret**



**Gambar Pengkaji Duduk di Salah Sebuah Kerusi Tinggalan Keluarga Cheong  
Fatt Tze**

**Gambar Halaman Dan Juga Keunikan Dalam Blue Mansion**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN




**Ruangan Kedai Cenderamata Yang Terdapat Dalam Rumah Agam Cheong Fatt  
Tze**



**Ruangan Ruang Tamu Dan Juga Kaunter Pertanyaan**




**Pameran Yang Menunjukkan Bahawa Rumah Agam Tersebut Telah Menerima Beberapa Anugerah**



**Kemasan Lukisan Pelan Rumah Agam Cheong Fatt Tze**



**Hiasan Tanglung Pada Bahagian Tengah Rumah Agam Tersebut**



**Kemasan Pada Cermin Yang Diimport Dari Negara China**



**Pengkaji Bersama Warga Asing Yang Mengunjungi Ke Rumah Agam Tersebut**



**Ruangan Kafe Yang Terdapat Dalam Halaman Rumah Agam Tersebut**



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.  
www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**  
Faculty of Creative Technology and Heritage

Ruj. Kami (*Our Ref*) UMK.A02.600-4/7/4 JILID 4 (58)  
Tarikh (*Date*) 10 Januari 2023

Rumah Agam Cheong Fatt Tze  
14, Lebu Leith  
Georgetown  
10200 Georgetown  
Pulau Pinang

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN /  
PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan I (CFT 3124)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Mohamad Hanif Bin Muhamad Nasir	C19A0203	980809075725	Ijazah Sarjana Muda Pengkajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST




**Gambar Surat Kebenaran Pengkaji Menjalankan Kajian Lapangan**



### GAN CHART

Bil.	Perancangan Aktiviti	Mac				April				Mei				Jun				Julai				
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	
1.	Consultation																					
2.	Pengenalan & Latar Belakang																					
3.	Permasalahan, Persoalan & Objektif Kajian																					
4.	Skop & Kepentingan																					
5.	Kajian Literatur																					
6.	Metodologi																					
7.	Penulisan Laporan																					
8.	Pembentangan																					



Bil.	Perancangan Aktiviti	Oktober				November				Disember				Januari				Febuari			
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
9.	Bab 4: Analisis dan Perbincangan	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█								
10.	Bab 5: Kesimpulan & Cadangan									█	█	█	█	█	█	█	█				
11.	Pembentangan PP II																	█	█	█	█
12.	Penghantaran																	█	█	█	█